

BAB 4

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

MAIWP melalui Bahagian Baitulmal telah menyediakan bantuan Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang kepada pelajar cemerlang yang memasuki IPTA dalam negara dan mula diperkenalkan pada tahun 2006. Biasiswa ini diberikan kepada asnaf fisabilillah yang cemerlang dalam akademik. Melalui bab ini penulis akan menerangkan tentang pencapaian akademik penerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang sama ada berada pada tahap cemerlang, kepujian ataupun lulus. Seterusnya, analisis pencapaian akademik dibuat berdasarkan jantina dan bidang pengajian. Memandangkan bantuan biasiswa ini dalam bentuk pemberian wang, penulis juga membuat kajian tentang penggunaan wang dalam kalangan penerima biasiswa ini. Di samping itu, dipaparkan juga analisis berkaitan dengan sahsiah sebagai maklumat tambahan.

4.1 Latar Belakang Responden

4.1.1 Jantina

Jadual 4.1. Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	17	51.5
Perempuan	16	48.5
Jumlah	33	100.0

Sumber: Soal Selidik, 2010

Jumlah keseluruhan penerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang dalam kajian ini ialah 33 orang. Responden lelaki ialah 17 orang (51.5 peratus) dan responden perempuan ialah 16 orang (48.5 peratus) dan adalah seimbang dengan hanya perbezaan seorang sahaja responden lelaki melebihi responden perempuan. Ini menunjukkan bahawa pihak MAIWP memberi peluang yang setara kepada para responden untuk memohon biasiswa ini dengan syarat memiliki kecemerlangan dalam akademik.

4.1.2 Taburan Umur dan Tahap Pengajian

Jadual 4.2. Taburan Silang Umur dan Tahap Pengajian

Umur	Tahap Pengajian/ Peratus		
	Ijazah Pertama	Diploma	Jumlah
18 Hingga 20 Tahun	1 (3.0)	1 (3.0)	2 (6.0)
21 Hingga 23 Tahun	21 (64.0)	0(0.0)	21(64.0)
24 Hingga 26 Tahun	9 (27.0)	0(0.0)	9 (27.0)
27 Tahun dan Ke atas	1 (3.0)	0(0.0)	1(3.0)
Jumlah	32 (97.0)	1 (3.0)	33 (100.0)

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Majoriti responden iaitu seramai 32 orang (97.0 peratus) merupakan pelajar peringkat ijazah pertama. Seramai 30 orang daripada mereka berumur dalam lingkungan 21 hingga 26 tahun dan seorang berumur 27 tahun. Seorang lagi responden berumur dalam lingkungan 18 hingga 20 tahun, sedang mengikuti pengajian di peringkat diploma. Pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat ijazah pertama lebih ramai ditawarkan biasiswa.

4.1.3 Taburan Universiti, Bidang Pengajian dan Bilangan Responden

Jadual 4.3. Nama Universiti, Bidang Pengajian dan Bilangan Responden

Nama Universiti	Bidang Pengajian/ Peratus						Jumlah
	Bioteknologi	Pengajian Islam	Undang-undang	Perakaunan	Kejuruteraan	Fizik	
UM	1(3.0)	4(12.1)	0(0.0)	2(6.1)	3(9.1)	1(3.0)	11(33.3)
UKM	0(0.0)	2(6.1)	0(0.0)	0(0.0)	1(3.0)	0(0.0)	3(9.1)
UPM	0(0.0)	0(0.0)	0(0.0)	0(0.0)	1(3.0)	0(0.0)	1(3.0)
UIAM	1(3.0)	3(9.1)	1(3.0)	1(3.0)	1(3.0)	0(0.0)	7(21.2)
USIM	0(0.0)	4(12.1)	0(0.0)	0(0.0)	0(0.0)	0(0.0)	4(12.1)
UiTM, Shah Alam	0(0.0)	0(0.0)	1(3.0)	4(12.1)	2(6.1)	0(0.0)	7(21.2)
Jumlah	2(6.1)	13(39.4)	2(6.1)	7(21.2)	8(24.2)	1(3.0)	33(100.0)

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Daripada enam buah universiti yang terlibat dalam kajian ini, bilangan responden yang paling ramai ialah dari Universiti Malaya iaitu seramai 11 orang (33 peratus). Bilangan responden daripada Universiti Islam Antarabangsa dan Universiti Teknologi MARA masing-masing seramai 7 orang (21.2 peratus). Seterusnya, responden daripada Universiti Sains Islam Malaysia pula seramai 4 orang (12.1 peratus) dan 3 orang dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Manakala bilangan responden paling sedikit ialah di Universiti Putra Malaysia iaitu seorang responden (3.0 peratus).

Terdapat enam bidang pengajian iaitu bidang Bioteknologi, Pengajian Islam, Undang-undang, Perakaunan, Kejuruteraan dan Fizik. Majoriti responden iaitu 13 orang (39.4 peratus) daripada bidang Pengajian Islam. Bilangan penerima biasiswa yang ramai daripada bidang Pengajian Islam kerana mereka lebih terdedah dengan maklumat tentang bantuan-

bantuan daripada Pusat Zakat. Namun begitu, pelajar daripada bidang-bidang lain turut berpeluang merebut peluang ini kerana keutamaan diberikan kepada mereka yang cemerlang dalam akademik.

4.1.4 Semester Semasa Pengajian

Jadual 4.4. Semester Semasa Pengajian

Semester	Kekerapan	Peratus
Sem.3	2	6.0
Sem.5	3	9.1
Sem.6	1	3.0
Sem.7	5	15.2
Sem.8	5	15.2
Tamat	17	51.5
Jumlah	33	100.0

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Semester pengajian terkini responden boleh dibahagikan kepada dua bahagian berdasarkan tahun pengajian. Terdapat responden yang mengikuti pengajian selama 3, 4 dan 5 tahun bergantung kepada bidang pengajian. Seramai 17 orang (51.5 peratus) pelajar telah menamatkan pengajian mereka dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh itu, kita akan dapat melihat tahap pencapaian sebenar responden ini. Terdapat 10 orang (30.2 peratus) responden yang kini berada di semester ke 7 dan 8.

4.1.5 Penginapan Semasa Pengajian Mengikut Jantina

Jadual 4.5. Jenis Penginapan Berdasarkan Jantina

Penginapan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Asrama	11(33.3)	8 (24.2)	19 (57.6)
Rumah/bilik sewa	6 (18.2)	7 (21.2)	13(39.4.)
Keluarga	0(0.0)	1(3.0)	1(3.0)
Jumlah	17 (51.5)	16(48.5)	33(100.0)

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Jadual 4.5 menunjukkan bahawa majoriti responden menginap di asrama semasa belajar di universiti yang diwakili oleh 19 orang (57.6 peratus) seperti. Kelihatan responden lelaki lebih cenderung untuk tinggal di asrama berbanding responden perempuan di mana seramai 11 orang (33.3 peratus) responden lelaki dan 8 orang (24.2 peratus) responden perempuan. Menginap di asrama lebih menjimatkan wang berbanding dengan menyewa rumah atau bilik. Namun begitu, terdapat 6 orang responden (18.2 peratus) lelaki dan 7 orang (21.2 peratus) responden perempuan menyewa rumah atau bilik sewa menjadikan jumlah keseluruhan seramai 13 orang (39.4 peratus). Responden yang memilih untuk menyewa biasanya memberi alasan untuk hidup berdikari bersama kawan-kawan serumah. Sementara itu, hanya seorang sahaja responden perempuan memilih untuk tinggal bersama keluarga. Kedudukan rumah yang berhampiran dengan universiti membolehkan responden berulang alik.

4.1.6 Taburan Pekerjaan Bapa /Penjaga

Jadual 4.6. Pekerjaan Bapa/Penjaga

Pekerjaan	Kekerapan	Peratus
Kerajaan	6	20.0
Swasta	5	16.7
Kerja Sendiri	13	43.3
Tidak Bekerja	1	3.3
Pesara	5	16.7
Jumlah	30	100.0

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Seramai 13 orang (43.3 peratus) bapa/penjaga responden bekerja sendiri. Manakala 6 orang (20 peratus) merupakan kakitangan kerajaan dan 5 orang (16.7 peratus) adalah kakitangan swasta. Biasiswa yang diterima oleh kumpulan pelajar ini tanpa mengambil kira pendapatan ibu bapa. Secara tidak langsung ibu bapa yang mempunyai sumber pendapatan dapat

meringankan masalah kewangan responden di universiti terutama jika berlaku kelewatan dalam penerimaan wang biasiswa. Terdapat 5 orang (16.7 peratus) bapa atau penjaga merupakan pesara dan seorang lagi penjaga (3.3 peratus) tidak bekerja dan 3 orang telah meninggal dunia.

4.1.7 Taburan Pekerjaan Ibu

Jadual 4.7. Pekerjaan Ibu

Pekerjaan	Kekerapan	Peratus
Kerajaan	8	25.0
Swasta	4	12.5
Kerja Sendiri	2	6.3
Tidak Bekerja	15	46.8
Pesara	3	9.4
Jumlah	32	100.0

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Majoriti ibu responden iaitu seramai 15 orang (46.8 peratus) tidak bekerja dan menjadi suri rumah sepenuh masa. Bagi ibu-ibu yang bekerja pula seramai 8 orang (25.0 peratus) merupakan kaki tangan kerajaan dan di sektor swasta pula seramai 4 orang (12.5 peratus) dan 3 orang (9.4 peratus) merupakan pesara. Dalam kaji selidik ini juga didapati 2 orang (6.3 peratus) ibu responden bekerja sendiri. Ibu yang mempunyai sumber pendapatan sendiri dapat meringankan beban ketua keluarga dengan menghulurkan bantuan untuk pendidikan anak-anak. Namun begitu, terdapat seorang ibu responden yang telah meninggal dunia.

4.1.8 Taburan Pendapatan Ibu Bapa/Penjaga

Jadual 4.8. Pendapatan Ibu Bapa/ Penjaga

Pendapatan	Kekerapan	Peratus
Kurang daripada RM1,000	7	21.2
RM1,000-RM1,999	6	18.2
RM2,000-RM3,999	10	30.3
RM4,000 dan ke atas	10	30.3
Jumlah	33	100.0

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Didapati bahawa 10 orang (30.3 peratus) ibu bapa atau penjaga responden mempunyai pendapatan RM4000.00 dan lebih yang mana boleh dikategorikan sebagai pendapatan sederhana dan tinggi. Manakala 10 orang (30.3 peratus) mempunyai pendapatan RM2000.00 hingga RM3999.00. Seramai 6 orang (18.2 peratus) memperoleh pendapatan sebanyak RM1000.00 hingga RM1999.00. Hanya 7 orang (21.2 peratus) mempunyai pendapatan kurang RM1000.00 yang dikategorikan sebagai berpendapatan rendah. Majoriti responden mempunyai ibu bapa yang berpendapatan melebihi RM1000. Pendapatan ini adalah di luar daripada pendapatan garis kemiskinan. Ini menunjukkan sebahagian besar penerima biasiswa ini bukan daripada golongan miskin.

Sebaliknya pemberian biasiswa diberi berdasarkan kepada pencapaian akademik dalam peperiksaan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dan Diploma. Kajian yang dibuat oleh Cheeci, D (2000),¹ menunjukkan bahawa ibu bapa yang berpendapatan tinggi merupakan satu insentif kepada para pelajar untuk mencapai keputusan yang lebih baik dalam peperiksaan kerana kesediaan ibu bapa membuat

¹ Cheeci, D., "University Education in Italy," *International Journal of Manpower* 21, no. ¾ (2000), 1.

pelaburan dalam pendidikan anak-anak. Begitu juga dengan hasil kajian oleh Arawati Agus dan Zafir Khan bin Mohamed Makhbul (2002),² menunjukkan bahawa pelajar daripada keluarga yang berpendapatan tinggi memperoleh pencapaian akademik yang lebih baik berbanding pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah.

4.1.9: Tempoh Mula Menerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang dan Bidang Pengajian

Jadual 4.9. Tempoh Mula Menerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang dan Bidang Pengajian

Tempoh mula menerima Biasiswa	Bidang Pengajian/ Bilangan/ Peratus						Jumlah
	Bioteknologi	Pengajian Islam	Undang-Undang	Perakanaan	Kejuruteraan	Fizik	
Sem.1	1(3.0)	4(12.1)	2(6.1)	4(12.1)	4(12.1)	1(3.0)	16(48.5)
Sem.2	0(0.0)	4(12.1)	0(0.0)	2(6.1)	2(6.1)	0(0.0)	8(24.2)
Sem.3	1(3.0)	5(15.2)	0(0.0)	0(0.0)	2(6.1)	0(0.0)	8(24.2)
Sem.5	0(0.0)	0(0.0)	0(0.0)	1(3.0)	0(0.0)	0(0.0)	1(3.0)
Jumlah	2(6.1)	13(39.4)	2(6.1)	7(21.2)	8(24.2)	1(3.0)	33(100.0)

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Seramai 16 orang (48.5 peratus) responden dalam enam bidang pengajian mula menerima wang biasiswa di awal semester 1. Ini memberikan kelebihan kepada responden membuat persiapan awal dalam proses pembelajaran. Mereka dapat membayar yuran pengajian, membeli buku-buku rujukan, peralatan pembelajaran dan sebagainya. Namun begitu

² Arawati Agus dan Zafir Khan bin Mohamed Makhbul, "An Empirical study on Academic Achievement of Business students in Pursuing Higher Education: An Emphasis on the Influence of Family Backgrounds" (Prosiding, International Conference on the challenges of learning and Teaching in a Brave New World: Issues and Opportunities in Borderless Education, Hatyai, Thailand, 14-16 Oktober 2002).

terdapat 8 orang (24.2 peratus) responden masing-masing mula menerima biasiswa di semester 2 dan 3. Kelewatan menerima wang biasiswa dikhuatiri menjadi punca berlakunya masalah kewangan dan boleh menjejaskan persiapan pelajar dalam pelajaran seperti tidak mampu membeli buku rujukan. Sementara itu, terdapat seorang responden mula menerima biasiswa di semester 5 dan dia merupakan pelajar lepasan diploma yang ditawarkan menyambung pengajian terus ke semester 4 dalam bidang Perakaunan.

4.2 Analisis Pencapaian Akademik Penerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang

Untuk menganalisis pencapaian akademik pelajar, penulis menggunakan kaedah pembahagian gred PNG dan PNGK seperti jadual 4.10 di bawah. Sehubungan itu, analisis ini akan dibuat mengikut tahap cemerlang, kepujian dan lulus.

Jadual 4.10. Kategori Gred dan Tahap

Gred	Tahap
3.7- 4.0	Cemerlang
2.7-3.6	Kepujian
1.0-2.6	Lulus

Kategori gred PNG dan PNGK dibahagikan kepada 3 iaitu mata gred 3.7- 4.0 berada pada tahap cemerlang. Seterusnya mata gred 2.7-3.6 dikategorikan sebagai tahap kepujian dan akhir sekali mata gred 1.0-2.6 dikategorikan sebagai pencapaian tahap lulus. Pencapaian akademik responden dianalisis mengikut dua kategori iaitu pelajar yang menamatkan pengajian berdasarkan PNGK semester terakhir. Manakala responden yang masih aktif dalam pengajian dianalisis berdasarkan PNG setiap semester.

4.2.1 Analisis Pencapaian Akademik Berdasarkan PNGK

Analisis pencapaian akademik ini dibuat berdasarkan keputusan semester akhir pengajian. Ini kerana semua responden ini telah menamatkan pengajian mereka. Responden yang telah menamatkan pengajian dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu responden yang mengikuti pengajian selama 4 tahun atau lapan semester. Kumpulan berikutnya ialah responden yang menamatkan pengajian dalam tempoh 3 tahun atau enam semester.

4.2.1 (a) Pencapaian Akademik berdasarkan 8 Semester Pengajian

Jadual: 4.11. Pencapaian Akademik Mengikut Jantina dan Bidang Berdasarkan 8 Semester Pengajian.

Gred/ Tahap	Jantina/Bilangan/ Peratus		Jumlah	Bidang/Bilangan/Peratus				Jumlah
	L	P		Pengajian Islam	Undang- undang	Perakaunan	Kejuruteraan	
3.7-4.0 Cemerlang	1(9.1)	0(0.0)	1(19.1)	1(9.1)	0(0.0)	0(0.0)	0(0.0)	1(19.1)
2.7-3.6 Kepujian	4(36.4)	4(36.4)	8(72.7)	3(27.3)	1(9.1)	3(27.3)	1(9.1)	8(72.7)
1.0-2.6 Lulus	1(9.1)	1(9.1)	2(18.2)	0(0.0)	0(0.0)	1(9.1)	1(9.1)	2(18.2)
Jumlah	6(54.5)	5(45.5)	11(100.0)	4(36.4)	1(9.1)	4(36.4)	2(18.2)	11(100.0)

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Secara keseluruhan 11 orang responden telah menamatkan pengajian dalam tempoh empat tahun atau lapan semester. Berdasarkan keputusan PNGK semester terakhir seramai 8 orang memperoleh tahap kepujian. Pencapaian yang boleh dibanggakan apabila seorang responden lelaki dalam bidang Pengajian Islam menamatkan pengajian dengan cemerlang. Manakala 4 orang memperoleh tahap kepujian dan seorang mencapai tahap lulus. Ini menunjukkan bahawa responden lelaki boleh mengatasi pencapaian responden perempuan sekiranya mereka lebih fokus kepada pelajaran. Responden perempuan pula mendominasi

pencapaian akademik pada tahap kepujian iaitu seramai 4 orang dan terdapat seorang mencapai tahap lulus. Dalam kajian Zalizan Mohd Jelas et al (2005),³ terhadap pelajar sekolah menengah secara umumnya menunjukkan pelajar perempuan lebih berjaya dalam peperiksaan awam berbanding pelajar lelaki kerana pelajar perempuan memiliki lebih kemahiran dan strategi pembelajaran yang membantu mereka lebih berjaya. Berdasarkan sampel pelajar yang dikaji, dapatan sebaliknya diperoleh iaitu pelajar lelaki lebih cemerlang berbanding pelajar perempuan di universiti yang terlibat.

4.2.1. (b) Pencapaian Akademik Berdasarkan 6 Semester Pengajian

Jadual: 4.12. Pencapaian Akademik Mengikut Jantina dan Bidang Berdasarkan 6 Semester Pengajian.

Gred/ Tahap	Jantina/Bilangan/ Peratus		Jumlah	Bidang/Bilangan/Peratus			Jumlah
	L	P		Bioteknologi	Pengajian Islam	Undang- undang	
3.7-4.0 Cemerlang	0(0.0)	1(16.7)	1(16.7)	0(0.0)	1(16.7)	0(0.0)	1(16.7)
2.7-3.6 Kepujian	3(50.0)	2(33.3)	5(83.3)	1(16.7)	3(50.0)	1(16.7)	5(83.3)
1.0-2.6 Lulus	0(0.0)	0(0.0)	0(0.0)	0(0.0)	0(0.0)	0(0.0)	0(0.0)
Jumlah	3(50.0)	3(50.0)	6(100.0)	1(16.7)	4(66.6)	1(16.7)	6(100.0)

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Bilangan pelajar yang mengikuti pengajian dalam tempoh 3 tahun atau 6 semester ialah 6 orang. Sepanjang tempoh pengajian tersebut didapati hanya seorang responden perempuan dalam bidang Pengajian Islam mencapai tahap cemerlang dalam akademik. Manakala 5 orang responden hanya mampu berada pada tahap kepujian. Berbanding dengan pencapaian pelajar seperti jadual 4.11 di atas pencapaian kumpulan pelajar ini lebih baik kerana tiada responden yang mencapai tahap lulus.

³ Zalizan Mohd Jelas et al, "Prestasi Akademik Mengikut Gender," *Jurnal Pendidikan* 30, (2005), 109.

4.2.2 Pencapaian Akademik Responden Aktif

Analisis pencapaian akademik pelajar yang masih aktif dibuat berdasarkan pencapaian PNG bagi setiap semester.

4.2.2 (a) Pencapaian Akademik Responden Aktif

Jadual: 4.13. Pencapaian Akademik Responden Aktif

Gred/Tahap	Semester/Bilangan/ Peratus							Semester Semasa
	1	2	3	4	5	6	7	
2.7-3.6/ Kepujian	5 (100.0)	4 (80.0)	3 (60.0)	3 (60.0)	2 (40.0)	2 (40.0)	2 (40.0)	8
1.0-2.6/ Lulus	0 (0.0)	1 (20.0)	2 (40.0)	2 (40.0)	3 (60.0)	3 (60.0)	3 (60.0)	
Jumlah	5 orang/100.0							
Gred/Tahap	Semester/Bilangan/ Peratus							7
	1	2	3	4	5	6	7	
2.7-3.6/ Kepujian	4 (80.0)	4 (80.0)	2 (40.0)	4 (80.0)	2 (40.0)	4 (80.0)	-	
1.0-2.6/ Lulus	1 (20.0)	1 (20.0)	3 (60.0)	1 (20.0)	3 (60.0)	1 (20.0)	-	
Jumlah	5 orang /100.0							
Gred/Tahap	Semester/Bilangan/ Peratus							5 (Ijazah Pertama)
	1	2	3	4	5	6	7	
2.7-3.6/ Kepujian	1 (50.0)	1 (50.0)	1 (50.0)	2 (100.0)	-	-	-	
1.0-2.6/ Lulus	1 (50.0)	1 (50.0)	1 (50.0)	0 (0.0)	-	-	-	
Jumlah	2 orang (100.0)							
Gred/Tahap	Semester/Bilangan/ Peratus							5 (Diploma)
	1	2	3	4	5	6	7	
2.7-3.6/ Kepujian	1 (100.0)	1 (100.0)	1 (100.0)	0 (0.0)	-	-	-	
1.0-2.6/Lulus	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	1 (100.0)	-	-	-	
Jumlah	1 orang (100.0)							
Gred/Tahap	Semester/Bilangan/ Peratus							3
	1	2	3	4	5	6	7	
3.7-4.0/ Cemerlang	1 (50.0)	0 (0.0)	-	-	-	-	-	
2.7-3.6/ Kepujian	1 (50.0)	2 (100.0)	-	-	-	-	-	
Jumlah	2 orang (100.0)							

Jadual 4.13. sambungan

Gred/Tahap	Semester/Bilangan/ Peratus							6 (Integrasi)
	1	2	3	4	5	6	7	
2.7-3.6/ Kepujian	-	-	-	1 (100.0)	1 (100.0)	-	-	
Jumlah	1 orang (100.0)							

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Jadual 4.13 di atas memaparkan pencapaian akademik 16 orang responden yang aktif di dalam pelbagai semester pengajian. Analisis dibuat berdasarkan keputusan PNG setiap semester. Hanya seorang responden sahaja yang pernah mencapai tahap cemerlang ketika berada di semester 1. Bermula semester 2 sehingga semester terkini, pencapaian akademik responden berada pada tahap kepujian dan lulus. Keadaan ini akan memberikan kesan kepada pencapaian PNGK responden di semester terakhir nanti. Ini kerana semakin tinggi semester pengajian semakin susah kerana isi pelajaran lebih menjurus kepada bidang masing-masing.

Namun begitu, jika responden menggandakan usaha dengan belajar bersungguh-sungguh tidak mustahil dapat memperbaiki pencapaian akademik dan memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Lagipun dengan adanya wang biasiswa masalah kewangan tidak lagi timbul. Para responden juga perlu meningkatkan pencapaian akademik agar diberikan peluang untuk ditawarkan biasiswa apabila ingin menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Sebagai contoh, pelajar yang kini sedang belajar di peringkat diploma boleh memohon lagi Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi sekiranya cemerlang dalam akademik.

4.2.2 (b) Analisis Pencapaian Akademik Mengikut Jantina

Jadual 4.14: Pencapaian Akademik Mengikut Jantina

Semester	Gred/Tahap/Jantina/Peratus						Jumlah	
	3.7-4.0/Cemerlang		2.7-3.6/Kepujian		1.0-2.6/Lulus		L	P
	L	P	L	P	L	P		
1	-	-	5(100.0)	-	-	-		
2	-	-	4(80.0)	-	1(20.0)	-		
3	-	-	3(60.0)	-	2(40.0)	-		
4	-	-	3(60.0)	-	2(40.0)	-		
5	-	-	2(40.0)	-	3(60.0)	-		
6	-	-	2(40.0)	-	3(60.0)	-		
7	-	-	2(40.0)	-	3(60.0)	-		
Jumlah	5 orang (100.0)						5	0
1	-	-	1(20.0)	3(60.0)	1(20.0)	-		
2	-	-	1(20.0)	3(60.0)	1(20.0)	-		
3	-	-	1(20.0)	1(20.0)	1(20.0)	2(40.0)		
4	-	-	1(20.0)	3(60.0)	1(20.0)	-		
5	-	-	-	2(40.0)	2(40.0)	1(20.0)		
6	-	-	2(40.0)	2(40.0)	-	1(20.0)		
Jumlah	5 orang (100.0)						2	3
1	-	-	-	1(50.0)	1(50.0)	-		
2	-	-	-	1(50.0)	1(50.0)	-		
3	-	-	-	1(50.0)	1(50.0)	-		
4	-	-	1(50.0)	1(50.0)	-	-		
Jumlah	2 orang (100.0)						1	1
1	-	-	-	1(100.0)	-	-		
2	-	-	-	1(100.0)	-	-		
3	-	-	-	1(100.0)	-	-		
4	-	-	-	-	-	1(100.0)		
Jumlah	1 orang (100.0)						0	1
1	-	1(50.0)	-	1(50.0)	-	-		
2	-	-	-	2(100.0)	-	-		
Jumlah	2 orang (100.0)						0	2
4	-	-	-	1(100.0)	-	-		
5	-	-	-	1(100.0)	-	-		
Jumlah	1 orang (100.0)						0	1
Jumlah keseluruhan							8	8

Sumber: Soal Selidik 2010.

Daripada 16 orang responden yang masih aktif ini, bilangan lelaki dan perempuan adalah seimbang iaitu masing-masing lapan 8 orang. Berdasarkan keputusan PNG yang dipaparkan dalam jadual 4.14, tiada responden lelaki yang pernah mencapai gred cemerlang berbanding dengan seorang responden perempuan yang pernah mendapat gred cemerlang

semasa di semester 1. Analisis berikutnya tertumpu kepada responden yang mempunyai keputusan PNG sehingga 7 semester. Semua responden merupakan pelajar lelaki dan telah mendapat gred kepujian pada semester 1. Ini kerana kebiasaannya mereka belajar perkara asas. Namun didapati bahawa prestasi responden lelaki ini semakin menurun dari semester ke 2 hingga ke 7 di mana mereka lebih ramai mendapat gred lulus berbanding gred kepujian. Berdasarkan analisis ini agak sukar responden untuk mencapai tahap cemerlang kerana semakin tinggi semester pengajian semakin payah pelajaran tersebut.

Seramai 5 orang responden yang mempunyai keputusan PNG sehingga 6 semester. Pencapaian responden perempuan menunjukkan berlakunya keputusan naik dan turun sepanjang pengajian. Semua responden perempuan berjaya mengekalkan pencapaian pada tahap kepujian di semester 1, 2, 4. Pencapaian responden menunjukkan penurunan yang ketara di semester 3 apabila 2 orang daripadanya hanya lulus. Pencapaian responden lelaki pula masing-masing seorang berjaya berada pada tahap lulus dan kepujian daripada semester 1 hingga 4. Seterusnya berlaku penurunan di semester 5 apabila kedua-duanya hanya berada pada tahap lulus. Apa yang menariknya dengan responden lelaki ini mereka berjaya menggandakan usaha sehingga berada pada tahap kepujian di semester 6.

Responden yang mempunyai keputusan PNG sehingga 4 semester terbahagi kepada dua program pengajian iaitu ijazah pertama dan diploma dengan 2 orang pelajar perempuan dan seorang pelajar lelaki. Pencapaian akademik responden perempuan bagi kedua-dua program adalah konsisten daripada semester 1 hingga 4. Jika pencapaian ini dapat dikekalkan sehingga tamat pengajian sudah pasti responden ini dapat menamatkan pengajian pada tahap cemerlang. Responden lelaki pula menunjukkan peningkatan di semester 4 apabila berjaya memperoleh tahap kepujian berbanding hanya tahap lulus di semester 1 hingga 3.

Pelajar lelaki dilihat perlu lebih berusaha untuk mengekalkan sekurang-kurang gred kepujian untuk semester seterusnya. Bagi pelajar program diploma gred pencapaian di semester terakhir menjadi ukuran sekiranya responden ingin memohon biasiswa ini bagi menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi. Usaha meningkatkan prestasi akademik terbuka luas kepada responden yang baharu memiliki keputusan PNG sehingga 2 semester. Kedua-duanya merupakan pelajar perempuan. Gred cemerlang yang pernah diperoleh pada semester 1 tidak dapat dikekalkan apabila mendapat gred kepujian di semester 2.

Namun begitu, kedua-duanya mampu meningkatkan prestasi ke tahap cemerlang jika berusaha bersungguh-sungguh dalam pelajaran. Begitu juga dengan responden yang ditawarkan pengajian terus ke semester 4 pengajian. Dengan pencapaian akademik yang konsisten pada tahap kepujian di semester 4 dan 5, responden ini berpotensi untuk meningkatkan pencapaian akademik pada tahap cemerlang.

4.2.2 (c) Analisis Pencapaian Akademik Mengikut Bidang

Jadual 4.15: Pencapaian Akademik Mengikut Bidang

Bidang	Gred/ Tahap	Semester/ Bilangan/ Peratus						
		1	2	3	4	5	6	7
Kejuruteraan	2.7-3.6 Kepujian	2 (40.0)	1 (20.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)
Pengajian Islam		1 (20.0)	1 (20.0)	1 (20.0)	1 (20.0)	1 (20.0)	0 (0.0)	0 (0.0)
Perakaunan		1 (20.0)	1 (20.0)	1 (20.0)	1 (20.0)	0 (0.0)	1 (20.0)	1 (20.0)
Undang-undang		1 (20.0)	1 (20.0)	1 (20.0)	1 (20.0)	1 (20.0)	1 (20.0)	1 (20.0)
Kejuruteraan	1.0-2.6 Lulus	0 (0.0)	1 (20.0)	2 (40.0)	2 (40.0)	2 (40.0)	2 (40.0)	2 (40.0)
Pengajian Islam		0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	1 (20.0)	1 (20.0)
Perakaunan		0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	1 (20.0)	0 (0.0)	0 (0.0)
Undang-undang		0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)
Jumlah		5 orang (100.0)						

Jadual 4.15. sambungan

Bidang	Gred/ Tahap	Semester/ Bilangan/ Peratus						
		1	2	3	4	5	6	7
Bioteknologi	2.7-3.6 Kepujian	1 (20.0)	1 (20.0)	1 (20.0)	1 (20.0)	0 (0.0)	1 (20.0)	-
Pengajian Islam		1 (20.0)	1 (20.0)	0 (0.0)	1 (20.0)	1 (20.0)	1 (20.0)	-
Perakaunan		1 (20.0)	1 (20.0)	1 (20.0)	1 (20.0)	1 (20.0)	0 (0.0)	-
Kejuruteraan		1 (20.0)	1 (20.0)	0 (0.0)	1 (20.0)	0 (0.0)	2 (40.0)	-
Bioteknologi	1.0-2.6 Lulus	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	1 (20.0)	0 (0.0)	-
Pengajian Islam		0 (0.0)	0 (0.0)	1 (20.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	-
Perakaunan		0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	-
Kejuruteraan		1 (20.0)	1 (20.0)	2 (40.0)	1 (20.0)	2 (40.0)	0 (0.0)	-
Jumlah		5 orang/100.0						
Bidang	Gred/ Tahap	Semester/ Bilangan/ Peratus						
		1	2	3	4	5	6	7
Pengajian Islam	2.7-3.6 Kepujian	1 (50.0)	1 (50.0)	1 (50.0)	2 (100.0)	-	-	-
Pengajian Islam	1.0-2.6 Lulus	1 (50.0)	1 (50.0)	1 (50.0)	0 (0.0)	-	-	-
Jumlah		2 orang/100.0						
Bidang	Gred/ Tahap	Semester/ Bilangan/ Peratus						
		1	2	3	4	5	6	7
Kejuruteraan	2.7-3.6 Kepujian	1 (100.0)	1 (100.0)	1 (100.0)	0 (0.0)	-	-	-
Kejuruteraan	1.0-2.6 Lulus	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	1 (100.0)	-	-	-
Jumlah		1 orang/100.0						
Bidang	Gred/ Tahap	Semester/ Bilangan/ Peratus						
		1	2	3	4	5	6	7
Fizik	3.7-4.0 Cemerlang	0 (0.0)	0 (0.0)	-	-	-	-	-
Pengajian Islam		1 (50.0)	0 (0.0)	-	-	-	-	-
Fizik	2.7-3.6 Kepujian	1 (50.0)	1 (50.0)	-	-	-	-	-
Pengajian Islam		0 (0.0)	1 (50.0)	-	-	-	-	-
Jumlah		2 orang/100.0						
Bidang	Gred/ Tahap	Semester/ Bilangan/ Peratus						
		1	2	3	4	5	6	7
Perakaunan	2.7-3.6 Kepujian	-	-	-	1 (100.0)	1 (100.0)	-	-
Jumlah		1 orang/100.0						

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Secara keseluruhan terdapat enam bidang pengajian yang terlibat dalam analisis ini iaitu Kejuruteraan, Pengajian Islam, Perakaunan, Undang-Undang, Bioteknologi dan Fizik. Bilangan responden mengikut bidang ialah 5 orang daripada bidang Kejuruteraan dan Pengajian Islam, 3 orang daripada bidang Perakaunan dan masing-masing seorang dalam bidang Undang-undang, Bioteknologi dan Fizik.

Sebagaimana yang dipaparkan dalam jadual 4.15, tiada responden dalam mana-mana bidang pengajian yang mendapat gred cemerlang pada semester pengajian kecuali responden dalam bidang Pengajian Islam di semester pertama pengajian. Berdasarkan pencapaian akademik semasa yang tidak konsisten ini agak sukar untuk responden dalam mana-mana bidang untuk mencapai tahap cemerlang kecuali responden yang masih panjang tempoh pengajian. Peluang untuk meningkatkan prestasi akademik agak sukar bagi responden dalam bidang Kejuruteraan di mana 2 orang mencapai tahap lulus pada semester ke 6 dan ke 7. Begitu juga dengan responden dalam bidang Pengajian Islam yang perlu meningkatkan prestasi akademik kerana mencapai tahap lulus pada semester 6 dan 7.

Bagi responden yang mempunyai keputusan peperiksaan antara 4 hingga 2 semester, peluang masih terbuka luas kepada mereka untuk meningkatkan prestasi dalam pelajaran. Hasil analisis menunjukkan pencapaian mereka setakat ini memang membanggakan kerana tiada responden yang mendapat gred lulus dalam peperiksaan setiap semester kecuali responden dalam bidang Kejuruteraan dan Pengajian Islam. Dengan adanya biasiswa ini diharapkan dapat membantu mereka lebih fokus dalam pelajaran. Para responden boleh menggunakan wang biasiswa yang diterima untuk tujuan membeli buku-buku rujukan dan bahan-bahan berkaitan dengan pelajaran. Seterusnya, dapat membantu menambahkan semangat responden untuk belajar dengan bersungguh-bersungguh.

4.3 Analisis Terhadap Pemantauan Baitulmal MAIWP

Kaedah yang digunakan oleh pihak Baitulmal MAIWP untuk memantau pencapaian akademik penerima biasiswa adalah melalui slip peperiksaan yang perlu dihantar oleh para responden bagi setiap semester sehingga tamat pengajian.

Jadual 4.16. Saya Tidak Perlu Menghantar Salinan Keputusan Peperiksaan Kepada Baitulmal MAIWP Setiap Semester

Skala	Kekerapan	Peratus
Sangat Setuju	2	6.1
Setuju	4	12.1
Kurang Setuju	9	27.3
Tidak Setuju	9	27.3
Sangat Tidak Setuju	9	27.3
Jumlah	33	100.0

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Terdapat 18.2 peratus responden yang tidak menghantar salinan keputusan peperiksaan kepada pihak Baitulmal. Keadaan ini akan memberi kesan kepada pihak Baitulmal untuk memantau pencapaian akademik responden dan untuk tujuan rekod. Namun begitu, 81.9 peratus responden menyerahkan salinan peperiksaan kepada Baitulmal. Salinan keputusan peperiksaan ini perlu dihantar kerana responden yang mempunyai pencapaian akademik kurang memuaskan sekurang-kurangnya dapat diambil tindakan oleh pihak berkenaan.

Jadual 4.17. Pihak Baitulmal MAIWP Sentiasa Berhubung Dengan Saya untuk Memantau Pencapaian Akademik

Skala	Kekerapan	Peratus
Sangat Tidak Setuju	3	9.1
Tidak Setuju	10	30.3
Kurang Setuju	9	27.3
Setuju	11	33.3
Jumlah	33	100.0

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Didapati bahawa hanya 11.0 peratus responden bersetuju bahawa pihak Baitulmal sentiasa berhubung untuk memantau pencapaian akademik seperti di dalam jadual 4.17. Namun begitu, 66.7 peratus berpendapat bahawa pihak Baitulmal tidak berhubung untuk memantau pencapaian akademik. Ini menunjukkan bahawa pihak Baitulmal hanya memantau pencapaian akademik melalui salinan slip peperiksaan sahaja. Sepatutnya pihak Baitulmal boleh melaksanakan pelbagai bentuk pemantauan melalui perbualan telefon dan juga perjumpaan dengan para pelajar secara berkala.

Jadual 4.18. Pemantauan Daripada Pihak Baitulmal Mampu Meningkatkan Prestasi Responden dalam Akademik

Skala	Kekerapan	Peratus
Kurang Setuju	6	18.2
Setuju	21	63.6
Sangat Setuju	6	18.2
Jumlah	33	100.0

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Jadual 4.18 menunjukkan bahawa majoriti responden kajian iaitu 81.8 peratus mempunyai persepsi positif terhadap pernyataan pemantauan daripada pihak Baitulmal mampu meningkatkan prestasi akademik. Ianya dapat ditunjukkan melalui 63.6 peratus mengatakan setuju dan 18.2 peratus responden yang mengatakan sangat setuju. Hanya 18.2 peratus responden yang mempunyai persepsi negatif dengan mengatakan kurang setuju dengan pernyataan berkenaan. Ini menunjukkan bahawa para responden memerlukan pemantauan yang berterusan daripada pihak Baitulmal supaya pencapaian akademik mereka sentiasa konsisten. Selain daripada memantau pencapaian akademik para responden juga berpandangan bahawa wang biasiswa yang diterima juga perlu dipantau.

Jadual 4.19. Pihak Baitulmal Perlu Memantau Responden yang Menyalahgunakan Wang Biasiswa

Skala	Kekerapan	Peratus
Tidak Setuju	1	3.0
Kurang Setuju	3	9.1
Setuju	21	63.6
Sangat Setuju	8	24.2
Jumlah	33	100.0

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Keputusan analisis mendapati bahawa majoriti responden iaitu 87.8 peratus mahu pihak Baitulmal MAIWP memantau wang biasiswa ini untuk mengelakkan ianya disalahgunakan. Ini menunjukkan bahawa ada dalam kalangan responden yang menggunakan wang untuk perkara yang tidak sepatutnya. Pemantauan boleh dilakukan melalui ceramah dengan kerjasama pihak luar seperti AKPK supaya responden memiliki kesedaran dalam pengurusan kewangan dengan lebih berkesan.

Jadual 4.20. Pemantauan Daripada Pihak Baitulmal Dapat Mengurangkan Penyalahgunaan Wang Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang

Skala	Kekerapan	Peratus
Kurang Setuju	3	9.1
Setuju	22	66.7
Sangat Setuju	8	24.2
Jumlah	33	100.0

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Sebanyak 90.9 peratus responden mempunyai pandangan positif dengan pemantauan daripada pihak Baitulmal mampu mengurangkan penyalahgunaan wang biasiswa sebagaimana dipaparkan di dalam jadual 4.20. Seramai 22 orang atau 66.7 daripada responden memilih setuju dan 8 orang iaitu 24.2 peratus mengatakan sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Manakala 9.1 peratus responden berpendapat bahawa pemantauan

yang dibuat oleh Baitulmal tidak dapat mengurangkan penyalahgunaan wang biasiswa tersebut. Berdasarkan daripada analisis terhadap item-item berkenaan dengan pemantauan penulis simpulkan bahawa ia sangat perlu untuk meningkatkan pencapaian akademik. Ini kerana bilangan pelajar yang memperoleh kecemerlangan sangat sedikit berbanding mereka yang mendapat kepujian dan lulus. Menurut penulis, berdasarkan kajian ini pemantauan yang dilakukan adalah menerusi salinan peperiksaan yang dihantar kepada pihak Baitulmal.

Namun, tindakan selanjutnya daripada pihak Baitulmal tidak jelas ke atas pelajar yang pencapaian akademik mereka tidak memuaskan. Para responden sendiri amat memerlukan pemantauan dalam akademik bahkan juga memerlukan pemantauan dari sudut penggunaan wang. Ini untuk mengelakkan mereka daripada menggunakan wang tersebut kepada pembaziran.

4.4 Analisis Kecukupan Wang Biasiswa MAIWP Yang Diterima Responden

Jadual 4.21. Bantuan Biasiswa Mencukupi atau Tidak

Jawapan	Kekerapan	Peratus
Ya	32	97.0
Tidak	1	3.0
Jumlah		100

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Hanya 3.0 peratus responden yang berpendapat bahawa wang biasiswa yang diterima tidak mencukupi. Didapati bahawa responden ini menyewa di luar dan menggunakan kemudahan awam untuk berulang alik dari rumah sewa ke universiti. Selain itu, responden ini pernah menerima wang di hujung semester pengajian. Sementara 97.0 peratus responden bersetuju bahawa wang biasiswa yang diterima mencukupi.

Jadual 4.22. Saya Masih Lagi Bergantung Kepada Bantuan Lain Selepas Menerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang

Skala	Kekerapan	Peratus
Sangat Tidak Setuju	10	30.3
Tidak Setuju	9	27.3
Kurang Setuju	8	24.2
Setuju	6	18.2
Jumlah	33	100.0

Sumber : Soal selidik, 2010.

Majoriti responden 27 orang (81.8 peratus) mengatakan bahawa wang biasiswa yang diterima adalah mencukupi dan mereka tidak menerima bantuan lain. Manakala 6 orang (18.2 peratus) memerlukan bantuan daripada ibu bapa, ahli keluarga lain ataupun suami untuk menampung keperluan di universiti. Bantuan ini lebih bersifat sebagai wang saku yang memang menjadi kebiasaan dalam kalangan ahli keluarga. Namun tiada responden yang menerima bantuan daripada penaja lain selain biasiswa ini berdasarkan syarat MAIWP yang tidak membenarkan responden menerima biasiswa ataupun pinjaman daripada mana-mana pihak setelah bersetuju menerima biasiswa daripada MAIWP.

Jadual 4.23. Selepas Menerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang Saya Sentiasa Menyimpan Wang Untuk Tujuan Kecemasan

Skala	Kekerapan	Peratus
Tidak Setuju	1	3.0
Setuju	21	63.6
Sangat Setuju	11	33.3
Jumlah	33	100.0

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Jadual 4.23 menunjukkan sebanyak 96.6 peratus atau 32 orang responden mempunyai persepsi positif terhadap pernyataan sentiasa menyimpan wang untuk tujuan kecemasan.

Didapati bahawa 63.6 peratus iaitu 21 orang responden mengatakan setuju dan 33.3 peratus iaitu 11 orang responden mengatakan sangat setuju. Manakala hanya seorang responden iaitu 3.0 peratus mengatakan tidak setuju dengan pernyataan berkaitan. Ini menunjukkan bahawa responden ini memiliki sikap suka menabung yang mana akan membantu mereka pada waktu kecemasan. Ini menunjukkan juga bahawa terdapat lebih wang biasiswa sehingga mereka mampu membuat tabungan. Dengan adanya duit simpanan ini mereka dapat menggunakannya sementara mendapat wang biasiswa untuk membeli bahan-bahan pembelajaran.

Jadual 4.24. Saya Tidak Perlu Melakukan Kerja Sampingan Bagi Menampung Kos Pengajian Selepas Menerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang

Skala	Kekerapan	Peratus
Sangat setuju	9	27.3
Setuju	13	39.4
Kurang setuju	10	30.3
Tidak setuju	1	3.0
Jumlah	33	100.0

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Sebanyak 66.7 peratus responden memberikan kenyataan positif bahawa mereka tidak perlu melakukan kerja sampingan bagi menampung kos pengajian selepas menerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang. Ini bermaksud para responden mempunyai sumber kewangan yang mencukupi selepas menerima biasiswa tersebut. Hanya 33.3 peratus sahaja berpendapat mereka melakukan kerja sampingan. Keadaan ini boleh berlaku dalam dua keadaan iaitu disebabkan faktor pengurusan kewangan yang tidak efisien dan minat pelajar yang suka mengisi masa lapang dengan kerja sampingan terutamanya semasa cuti semester yang panjang.

Jadual 4.25. Saya Tidak Perlu Lagi Berhutang untuk Menanggung Kos Pengajian Selepas Menerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang

Skala	Kekerapan	Peratus
Sangat Setuju	22	66.6
Setuju	9	27.3
Kurang Setuju	2	6.1
Jumlah	33	100.0

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Analisis daripada jadual 4.25 menunjukkan bahawa wang biasiswa yang diterima adalah mencukupi. Sebahagian besar iaitu 31 orang (94 peratus) daripada responden tidak lagi berhutang dengan mana-mana pihak untuk menanggung kos pengajian selepas mendapat Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang. Hanya 2 orang (6.1 peratus) responden berpendapat mereka masih perlu berhutang kerana berpendapat wang biasiswa yang diterima tidak mencukupi. Ini kerana terdapat pelajar yang menerima wang biasiswa semasa mereka di semester 2 dan semester 3 dan mendorong mereka mencari sumber kewangan lain sementara menerima wang biasiswa.

Jadual 4.26. Saya Sentiasa Menghadapi Masalah Kewangan Walaupun Telah Menerima Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang

Skala	Kekerapan	Peratus
Sangat Tidak Setuju	13	39.4
Tidak setuju	10	30.3
Kurang setuju	8	24.2
Sangat setuju	2	6.1
Jumlah	33	100.0

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Terdapat 2 orang (6.1 peratus) responden yang sentiasa menghadapi masalah kewangan setelah menerima wang biasiswa. Dapatan ini jelas ada kaitan dengan 6.1 peratus responden yang masih perlu berhutang seperti jadual 4.25. Ini menunjukkan responden ini perlu menguruskan wang biasiswa dengan baik. Sementara itu, 93.9 peratus responden tidak menghadapi masalah kewangan dan dapat menguruskan wang yang diperoleh dengan berkesan.

Jadual 4.27. Dengan Bantuan Biasiswa Saya Mampu Menyiapkan Semua Tugas Yang Diberikan oleh Pensyarah

Skala	Kekerapan	Peratus
Tidak Setuju	1	3.0
Kurang Setuju	2	6.1
Setuju	18	54.5
Sangat Setuju	12	36.4
Jumlah	33	100.0

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Jadual 4.27 menunjukkan bahawa 90.9 peratus responden mampu menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah. Kelewatan atau tidak menyiapkan tugas sudah pasti akan memberi kesan kepada pencapaian akademik mereka. Justeru itu, untuk menyiapkan sesuatu tugas sumber kewangan yang mencukupi sangat penting. Ini kerana bagi sesetengah bidang pengajian para responden terpaksa membeli peralatan tertentu untuk menyiapkan tugas tersebut. Ini memberikan gambaran bahawa wang biasiswa yang diterima mampu membantu responden dalam pelajaran. Sementara itu, 9.1 peratus tidak mampu menyiapkan semua tugas yang diberikan. Sikap seseorang responden juga menjadi penyebab tugas tidak dapat disiapkan bukan hanya kerana masalah kewangan sahaja.

Kesimpulannya, wang biasiswa yang diterima oleh responden adalah mencukupi berdasarkan analisis yang telah dibuat. Ini kerana item-item yang berkaitan telah menerima pandangan positif daripada responden dan jawapan responden melebihi 90 peratus. Apabila wang biasiswa adalah mencukupi tiada lagi isu seperti tidak menjelaskan yuran pengajian dan penginapan, tidak mampu membeli buku rujukan dan alat tulis serta keperluan diri sepanjang berada di universiti.

4.5 Analisis Terhadap Corak Penggunaan Wang Biasiswa

Analisis ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas responden terhadap corak penggunaan wang biasiswa yang telah diterima daripada pihak Baitulmal MAIWP.

Jadual 4.28. Perbelanjaan Responden Mengikut Keutamaan

Pilihan Mengikut Keutamaan	Perbelanjaan	Kekerapan	Peratus
1	Yuran pengajian	27	81.8
2	Bayaran sewa rumah/asrama/kolej	17	51.5
3	Pengangkutan	15	45.5
4	Bahan rujukan/peralatan untuk pembelajaran	13	39.4
5	Tugas kuliah	11	33.3
	Makanan dan minuman	11	33.3

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Para responden telah memilih lima jenis perbelanjaan seperti dalam jadual 4.28. Sebanyak 81.8 peratus responden memilih membayar yuran pengajian sebagai pilihan pertama dalam perbelanjaan. Selain yuran pengajian, masalah tempat tinggal juga merupakan perkara penting. Oleh kerana itu, 51.5 peratus responden menggunakan duit untuk membayar yuran asrama mahupun rumah sewa. Seterusnya 45.5 peratus responden menggunakan wang biasiswa untuk pengangkutan. Sebahagian besar responden mempunyai kenderaan sendiri sama ada motosikal ataupun kereta. Sudah tentu wang diperlukan untuk kos minyak dan kos senggaraan.

Pilihan seterusnya yang mewakili 39.4 peratus ialah perbelanjaan untuk membeli bahan rujukan ataupun peralatan untuk pembelajaran. Turut tersenarai dalam 5 pilihan utama ialah makanan dan tugas kuliah masing-masing mewakili 3.3 peratus. Berdasarkan pilihan para responden ini menunjukkan bahawa para responden bijak meletakkan keutamaan dalam perbelanjaan kerana pilihan mereka ini memang bersesuaian dengan keperluan seorang pelajar di universiti.

Jadual 4.29. Interpretasi Skor Min

Interpretasi Skor Min (Tahap)	Skor Min
Tinggi	3.67- 5.00
Sederhana	2.34- 3.66
Rendah	1 hingga 2.33

Jadual 4.30. Pandangan Responden Terhadap Perbelanjaan

Item	Bil	Min
Saya rasa bersalah sekiranya membeli barang-barang yang tidak penting menggunakan wang biasiswa	33	4.2121
Saya perlu mempunyai kemahiran dalam menguruskan kewangan supaya tidak berlaku pembaziran	33	4.5152
Saya mencatat segala perbelanjaan yang dibeli menggunakan wang biasiswa	33	3.0303
Saya menggunakan wang biasiswa dengan bijak kerana menyedari ia adalah wang zakat	33	4.2121

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Responden menggunakan wang biasiswa yang diterima dengan berkesan. Didapati bahawa responden menyedari wang yang diterima merupakan wang pembayar zakat. Justeru itu, item-item mempunyai tahap min yang tinggi kecuali item “saya mencatat segala perbelanjaan yang dibeli menggunakan wang biasiswa” di mana nilai min 3.0303 seperti di dalam jadual 4.30.

Amalan mencatat perbelanjaan penting kepada responden supaya mereka membeli benda yang sepatutnya. Tanpa catatan dikhuatiri responden membeli barangan yang tidak perlu dan akhirnya boleh membawa kepada pembaziran.

Nilai min yang paling tinggi ialah 4.5152 iaitu item “Saya perlu mempunyai kemahiran dalam menguruskan kewangan supaya tidak berlaku pembaziran”. Responden mengakui kepentingan menguruskan kewangan dengan bijak kerana banyak laporan pelajar boros berbelanja mengikut kehendak bukan keperluan. Berdasarkan analisis ini, didapati bahawa responden mengutamakan perbelanjaan yang berkaitan dengan keperluan sebagai seorang pelajar seperti membayar yuran, bahan rujukan, penginapan dan sebagainya. Secara tidak langsung menunjukkan responden mengambil berat tentang pencapaian akademik mereka.

4.6 Analisis Terhadap Sahsiah Responden.

Analisis sahsiah responden menggunakan interpretasi skor min seperti jadual 4.29 di atas.

Jadual 4.31. Pandangan Responden Terhadap Sahsiah

Item	Bil	Min
Saya adalah seorang pelajar yang bertanggungjawab dalam pelajaran	33	4.2121
Saya suka membantu kawan-kawan yang menghadapi masalah kewangan	33	4.1515
Saya menjadi seorang pelajar yang suka melakukan amal jariah seperti bersedekah sebagai tanda syukur kepada Allah SWT	33	4.2121
Saya banyak melaksanakan amalan sunat seperti puasa pada hari Isnin dan Khamis	33	3.5152
Saya sentiasa menjaga maruah diri	33	4.4848
Saya selalu mengamalkan solat hajat sepanjang pengajian saya di universiti	33	3.6061
Saya sentiasa menyempurnakan solat lima waktu setiap hari walaupun sibuk dengan pelajaran	33	4.4848

Sumber: Soal Selidik, 2010.

Jadual 4.31 di atas menunjukkan bahawa responden memiliki sahsiah diri yang sangat baik. Ini kerana semua item mempunyai tahap min yang tinggi kecuali item “Saya banyak melaksanakan amalan sunat seperti puasa pada hari Isnin dan Khamis dan Saya selalu mengamalkan solat hajat sepanjang pengajian saya di universiti” di mana nilai min pada tahap sederhana iaitu 3.5152 dan 3.6061. Terdapat dua item yang mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.4848. Item-item tersebut ialah “saya sentiasa menjaga maruah diri dan saya sentiasa menyempurnakan solat lima waktu setiap hari walaupun sibuk dengan pelajaran. Ini menunjukkan bahawa responden memberikan perhatian kepada dua perkara penting menjaga solat dan kehormatan diri. Hari ini banyak isu berkaitan dengan pelajar yang tidak pandai menjaga maruah diri dan meninggalkan solat.

Menurut Salasiah Hanim et al. (2011),⁴ dalam kajiannya terhadap pelajar Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia merumuskan bahawa responden yang menjaga solat lima waktu mempunyai hubungan spiritual yang tinggi dengan Allah SWT dan akan meningkatkan tahap motivasi dalam pelajaran di samping dapat membentuk sahsiah yang baik. Sahsiah juga memainkan peranan penting untuk menjadi orang cemerlang dalam akademik. Sahsiah amat penting dalam membentuk sikap pelajar terhadap pelajaran. Aspek kerohanian membekalkan pelajar dengan kekuatan dalaman yang berupaya mendorong kewajaran dalam perlakuan. Seorang insan yang beragama, aspek kerohanian memberikan semangat kepada seseorang untuk menghadapi cabaran dengan tenang dan sabar.⁵

⁴ Salasiah Hanim Hamjah et al, “Methods of Increasing Learning Motivations among Students,” *Procedia Social and Behavioral Sciences* 18, (2011), 143.

⁵ Norhanani Bakri et. al, “Punca Prestasi Pembelajaran yang Lemah dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, *Jurnal Teknologi* 43(E), (Disember 2005), 38.

4.7 Penutup

Pemberian biasiswa kepada pelajar sangat membantu mereka dalam pelajaran. Namun begitu dapat dilihat bahawa majoriti responden memperoleh pencapaian akademik pada tahap kepujian. Bilangan responden yang mendapat gred cemerlang hanya sedikit sahaja bilangannya. Sepatutnya para responden ini mampu mencapai kecemerlangan dalam akademik kerana dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran tanpa bimbang terhadap masalah kewangan. Justeru itu, disarankan supaya responden dapat menggunakan wang biasiswa ini dengan sebaik-baiknya dan digunakan sesuai dengan keperluan seorang pelajar.